

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 22 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1243-L13421
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab-sebab rancangan projek pembangunan Klinik 1Malaysia seperti yang diumumkan menerusi Bajet 2012 dalam usaha memastikan penjagaan kesihatan berkualiti kepada rakyat jelata di bandar dan luar bandar menjadi keutamaan.
2. PN-1243-L13101
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah sukan yang menjadi fokus untuk dibangunkan dan apakah mekanisme pencarian ahli sukan yang 'genuine' dan berdaya saing dilaksanakan dan sejauh manakah ia melibatkan kanak-kanak luar bandar agar bakat mereka diketengahkan bukan setakat menjadi jaguh kampung.
3. PN-1243-L13566
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai pengagihan dan peruntukan dan kerangka program 'AZAM' untuk masyarakat India.
4. PN-1243-L13479
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan punca untung bersih Tenaga Nasional Berhad (TNB) merosot sebanyak 85 peratus kepada RM499 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2011 dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan gas oleh Petronas kepada TNB hingga menyebabkan TNB menanggung kos tambahan sebanyak RM2.1 bilion bagi membeli bahan api gantian untuk menjana tenaga.

5. PN-1243-L13191
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa tahap kemahiran teknikal tenaga kerja tempatan sangat rendah iaitu hanya 28 peratus ketika ini berbanding kira-kira 40 peratus di negara maju dan apakah pelan tindakan Kementerian untuk meningkatkan peratusan ini.
6. PN-1243-L13875
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara 2010, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mendapat balik kos daripada semua pesalah yang melakukan jenayah serius iaitu penyalahgunaan kuasa untuk meluluskan pembelian barangan secara tidak munasabah pada harga yang beberapa kali lebih mahal daripada harga pasaran sebenar.
7. PN-1243-L13305
Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
 - (a) jumlah IPTA dan IPTS di seluruh negara yang menyediakan kursus perubatan di dalam negara sekarang; dan
 - (b) jumlah pelajar kita yang berkelulusan doktor perubatan setiap tahun daripada IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara bagi tempoh 4 tahun hingga sekarang dan di antara mereka berapakah jumlah pelajar yang meneruskan pengajian hingga ke peringkat doktor pakar (specialist).
8. PN-1243-L13659
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengenai rungutan pengguna-pengguna elektrik TNB bahawa caj tenaga yang terlalu tinggi berikutan penggunaan meter baru TNB dan adakah meter baru tersebut telah mendapat kelulusan SIRIM.
9. PN-1243-L13425
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan:-
 - (a) penjelasan atas mekanisme untuk menentukan harga minyak setiap bulan selepas polisi harga minyak melambung mengikut harga minyak sedunia dilaksanakan; dan
 - (b) terdapat banyak aduan di mana harga minyak hanya berubah apabila harga minyak sedunia meningkat dan kekal sedangkan harga minyak sedunia telahpun menurun, adakah benar aduan tersebut.

10. PN-1243-L13345
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang telah disabit oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menyiasat kes-kes rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa membabitkan Laporan Ketua Audit Negara 2000 hingga 2009.
11. PN-1243-L13596
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
 - (a) apakah dasar-dasar terkini Kerajaan untuk menjual tanah milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Badan Berkanun kepada swasta; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menjual tanah milik Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Badan Berkanun secara tender awam iaitu seperti yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Cina di Hong Kong dan Kerajaan Singapura melalui Government Land Sales (GLS) di bawah Urban Redevelopment Authority (URA).
12. PN-1243-L13259
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kajian struktur tanah dibuat ke atas semua rumah di sekitar kawasan Cameron Highlands. Berapa buah rumah yang disahkan berada di dalam keadaan yang tidak selamat.
13. PN-1243-L13853
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kerajaan di dalam mendidik dan membina jati diri generasi belia di negara kita ini bagi menangani dakwaan lebih 6 juta orang belia kita menghadapi krisis kecelaruan identiti.
14. PN-1243-L13169
Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak pengurusan lebuhraya PLUS dalam menangani kesesakan trafik bila mana berlaku kemalangan teruk dan juga kesulitan pihak bantuan keselamatan seperti ambulan untuk menyelamatkan mangsa-mangsa kemalangan.
15. PN-1243-L13137
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah Kementerian mensasarkan 30 peratus pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Malaysia bagi gugusan sains dan 70 peratus sains sosial dan kemanusiaan pada 2020 sekiranya ingin memartabatkan Bahasa Malaysia.

16. PN-1243-L13561
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan di dalam proses untuk meliberalisasikan perkhidmatan hospital dan perkhidmatan pakar perubatan dan pergigian bagaimanakah Kementerian memastikan kualiti doktor-doktor yang akan datang bekerja di hospital swasta adalah di tahap yang tinggi supaya industri penjagaan kesihatan (Healthcare) di Malaysia mempunyai kualiti bertaraf antarabangsa.
17. PN-1243-L13284
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah pekedai runcit yang menyertai Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di Pulau Pinang mengikut kawasan Parlimen.
18. PN-1243-L13695
Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan liputan Insurans Pihak Ketiga bagi kenderaan persendirian yang melebihi 15 tahun ini tidak membebankan pemilik di mana banyak syarikat-syarikat insurans kini hanya menyediakan perlindungan 1st Party dengan '*loading*' yang tinggi bagi kenderaan lama.
19. PN-1243-L13628
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada terdapat kuota dalam pengambilan pekerja tempatan dan asing, jika ya mengapa dan nyatakan jumlah pekerja asing itu serta syarat-syarat kebenaran untuk majikan mengambil dan menggunakan pekerja asing.
20. PN-1243-L13078
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan industri sarang burung walit di negara ini. Apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dibuat untuk mempromosi industri tersebut sama ada di dalam atau di luar negara.
21. PN-1243-L13852
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa Komuniti Ekonomi Asean (AEC) yang akan bermula pada tahun 2015 tidak diberi penerangan yang meluas kerana pemain-pemain industri di Malaysia masih belum bersedia dan apakah usaha Kementerian ke arah ini.
22. PN-1243-L13818
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah atau tindakan pihak Kementerian untuk membantu dalam mengatasi murid-murid yang lemah dalam pembelajaran sehingga tidak dibenarkan untuk mengambil peperiksaan Kerajaan seperti UPSR yang disiarkan di akhbar baru-baru ini.

23. PN-1243-L13496
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan Program 6P, adakah benar ramai pekerja yang didaftar di bawah sektor perkhidmatan seperti kedai gunting rambut dan kedai runcit ditolak permohonan pemutihan.
24. PN-1243-L13828
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kos perubatan di hospital swasta adalah terlalu tinggi. Pesakit yang datang ke hospital Kerajaan pula perlu menunggu begitu lama untuk mendapatkan rawatan. Bagaimanakah pihak Kementerian dapat membantu golongan rakyat yang kurang berkemampuan ini.
25. PN-1243-L13383
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memberikan RM100 kepada golongan pelajar miskin dan sederhana sahaja dan apakah langkah ini dapat menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan dan berapakah jumlah penjimatan tersebut.
26. PN-1243-L13454
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kementerian telah memberikan lesen bagi pengendalian stesen TV kabel bagi meningkatkan penggunaan jalur lebar dan peluasan penggunaan TV digital di negara ini.
27. PN-1243-L13116
Datuk Majjol bin Mahap minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pekerja dan orang asing yang berjaya didaftarkan di bawah program 6P di Sabah, Sarawak dan Semenanjung baru-baru ini, dan berapa di antara mereka yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap mereka yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah (PATI).
28. PN-1243-L13804
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menerbitkan data dan statistik Kajian Pendapatan Isi Rumah yang lebih cekap, lebih murah (cost-effective) dan lebih terperinci sebagaimana, penerbitan 'National Accounts and Data' oleh Britain yang boleh digunakan sebagai penanda aras (benchmark) memandangkan kaedah tersebut telah diperakui sebagai mempunyai kredibiliti, autoritatif, tepat masanya (timely), murah (cost-effective) dan mudah didapati (easily accessible).
29. PN-1243-L13643
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapa peruntukan untuk menyediakan kursus latihan bagi golongan miskin tegar Majlis Amanah Rakyat (MARA), dibelanjakan untuk mendapatkan peralatan tertentu yang seratus peratus lebih tinggi berbanding harga pasaran.

30. PN-1243-L13480
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah wanita yang diserang kanser atau barah dan nyatakan jenis-jenis kanser yang sering menyerang wanita yang menjadi pembunuh utama wanita.
31. PN-1243-L13557
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kejayaan kerja-kerja penyelidikan di bidang-bidang pertanian, ternakan dan industri-industri berasaskan pertanian.
32. PN-1243-L13406
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat manakah perkembangan dan hasil yang diperoleh melalui pelaksanaan Dasar "1 Murid 1 Sukan".
33. PN-1243-L13630
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:-
- (a) dasar Kerajaan terkini dalam aspek pemberian 'spectrum allocation' untuk 2.6G, 4G dan 700Mhz bands, 'digital broadcasting migration' dan penggunaan 'universal service provision' (USP) fund; dan
 - (b) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah percakapan telefon mudah alih yang sering kali terputus (dropped calls).
34. PN-1243-L13540
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman PTPTN yang telah dikeluarkan oleh Kementerian sejak implementasi, berapa jumlah pinjaman telah diselesaikan dan berapa masih tertangguh serta apa tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk membantu peminjam yang menghadapi masalah penyelesaian bayaran.
35. PN-1243-L13068
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang senario ekonomi negara sekarang memandangkan sasaran unjuran KDNK Malaysia antara 5 hingga 6 peratus sahaja sedangkan penentuan ekonomi bergantung kepada negara-negara 3G iaitu Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun. Negara-negara 3G tersebut sedang dilanda masalah ekonomi akibat hutang negara yang tinggi, ancaman bencana alam dan mata wang yang menjunam. Apakah kita mampu bertahan dengan kedudukan ekonomi yang mencabar ini.

36. PN-1243-L13783
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah dan tindakan Kerajaan bagi membersihkan nama Malaysia yang dianggap sebagai hab pengedar dadah di rantau ini memandangkan sebahagian besar sindiket yang ditumpaskan banyak melibatkan warga asing dan nyatakan kenapa semakin ramai rakyat asing memilih negara ini untuk dijadikan pusat pengedaran dan makmal memproses dadah.
37. PN-1243-L13687
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah terdapat banyak rumah kedai di bandar dan juga pekan kecil yang kelihatan comot kerana sudah lama tidak dicat semula yang menyebabkan ia kelihatan tidak ceria. Apakah pihak Kementerian bercadang untuk memberikan geran mengecat semula bangunan seperti yang diamalkan oleh negara-negara maju yang lain.
38. PN-1243-L13181
Dr. S. Ramakrishnan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Pejabat Peguam Negara tidak membuat rayuan untuk kes-kes yang difail oleh SPRM dan ditolak oleh mahkamah seperti kes Razak Baginda. Tetapi dalam kes Rosli Dahlan, Peguam Negara membuat rayuan dengan serta merta, apakah alasannya.
39. PN-1243-L13375
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah usaha-usaha untuk mengetengahkan 10 ikon pelancongan yang terdapat di Labuan ke peringkat antarabangsa.
40. PN-1243-L13669
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan trend terkini penyeludupan barang-barang kawalan (seperti minyak masak, petrol, diesel, tepung dan lain-lain) di sempadan Malaysia dengan Thailand.
41. PN-1243-L13142
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar semua peminjam bank disyaratkan membuat wasiat yang dikendalikan Amanah Raya Berhad dan dikenakan caj tertentu. Jika benar, nyatakan kewajaran amalan tersebut.
42. PN-1243-L13299
Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pencapaian Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India sehingga kini serta masalah-masalah yang dikenal pasti menyekat pembangunan kaum India dalam semua aspek termasuk ekonomi dan sosial.

43. PN-1243-L13784
Datuk Chiew Tiang Chai minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membeli dan memasang CCTV di kawasan PBT serta nyatakan sejauh manakah pemasangan CCTV dapat mengurangkan kadar jenayah di kawasan PBT seluruh negara.
44. PN-1243-L13580
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah peruntukan untuk masjid, surau dan madrasah India Muslim disalurkan. Adakah mekanisme yang digunakan sama seperti yang sedang digunakan dalam penyaluran peruntukan kepada tokong-tokong berhala dan kuil-kuil di Malaysia.
45. PN-1243-L13734
Tuan Chiew Lian Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa selepas dakwaan pelbagai ancaman terhadap hak asasi manusia negara ini tidak digunakan sebagai peluang untuk memperbaiki cara-cara Malaysia menangani masalah pelarian politik dari negara lain. Adakah Kementerian akan mengendalikan program untuk menyelesaikan masalah ini.
46. PN-1243-L13327
Tuan Ng Fook Heng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah cara-cara untuk mengenal pasti seisi keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3000 yang layak mendapat 'one-off' RM500. Bagaimanakah pula Kementerian dapat mengelakkan penipuan dan keciciran tentang kelayakan bantuan kewangan ini.
47. PN-1243-L13053
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah keuntungan yang telah dicatat oleh projek-projek sektor perladangan di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sejak 5 tahun lalu dan bilangan Orang Asli dalam projek tersebut yang dikeluarkan dari penduduk bawah garis kemiskinan tegar.
48. PN-1243-L13765
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan projek pembinaan masjid di kawasan Brickfields yang dimaklumkan dalam sidang Dewan Negara bulan Julai yang 2010 yang lalu.
49. PN-1243-L13154
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kempen Bulan Bahasa Kebangsaan setiap tahun berkesan memartabatkan dasar bahasa Kebangsaan dalam pelbagai sektor dan kenapa Syarikat Dawama Sdn. Bhd. terpaksa gulung tikar.

50. PN-1243-L13043
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kawalan mutu dan harga terhadap susu dan makanan awal bayi berasaskan susu lembu, soya dan kambing memandangkan terdapat kekurangan bekalan dan kenaikan kos dan jumlah import susu bayi sejak tahun 2000 hingga kini.
51. PN-1243-L13216
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan Kedai Kumpulan Usahawan Tani yang ditubuhkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai pusat pengumpulan pelbagai jenis produk, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di kawasan luar bandar.
52. PN-1243-L13249
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tindakan akan diambil terhadap majikan yang didapati mengaji bilangan pekerja asing melebihi kuota melalui Program Pemutihan 6P.
53. PN-1243-L13613
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan seperti yang dibincangkan pada persidangan Parlimen yang lepas, penyertaan masyarakat India Muslim di dalam Angkatan Tentera Malaysia hanyalah 0.01 peratus. Sehubungan dengan itu, apakah inisiatif atau langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan lagi penglibatan masyarakat India Muslim dalam badan beruniform ini.
54. PN-1243-L13865
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah lesen yang dikeluarkan kepada syarikat yang memberikan perkhidmatan telefon bimbit dan sama ada kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk mengeluarkan lebih banyak lesen bagi tujuan ini di masa hadapan.
55. PN-1243-L13794
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah terdapat atau wujud sebarang perjanjian atau persefahaman penjualan hadapan (Forward Selling) minyak sawit mentah yang melibatkan agensi FELDA atau FELCRA atau mana-mana agensi kerajaan yang berkaitan dengan mana-mana syarikat asing bagi memastikan pasaran minyak atau buah sawit mentah yang stabil, serta sekiranya ada, nyatakan nama agensi dan syarikat-syarikat yang terlibat serta jumlah atau perolehan yang diperolehi negara hasil dari kaedah penjualan seperti ini.
56. PN-1243-L13091
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan serta program yang telah dan akan dirancang oleh Kementerian dalam menangani isu gejala sosial di kalangan remaja sekolah perempuan yang melakukan seks bebas sehingga ada yang bersalin dan membunuh bayi sendiri.

57. PN-1243-L13232
Puan Doris Brodie minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian dan prestasi terkini TalentCorp sejak penubuhannya pada Januari 2011 lalu dalam konteks menarik diaspora tempatan yang sedang berkhidmat di luar negara untuk pulang mencurahkan bakti di Malaysia.
58. PN-1243-L13393
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif dalam menyelesaikan isu keuzuran Jambatan Tenom Lama (Tun Mustapha) yang tidak pernah diselenggarakan sejak dibina dari tahun 1970-an bagi mengelak kejadian yang tidak diinginkan berlaku.
59. PN-1243-L13364
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyediakan kenderaan komuniti khusus bagi menghantar dan menjemput golongan warga emas untuk mendapatkan rawatan kesihatan di klinik dan hospital Kerajaan bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan masyarakat di kawasan PBT.
60. PN-1243-L13274
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) kejayaan TalentCorp dalam usaha untuk membawa pulang profesional dari kalangan warganegara yang bekerja di luar negara; dan
 - (b) nyatakan bidang mereka serta jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk '*road show*' TalentCorp di luar negara dari Januari hingga September 2011.
61. PN-1243-L13706
Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan Kerajaan telah menghapuskan Ordinan Darurat atau ISA baru-baru ini, nyatakan bagaimanakah Kerajaan akan mengawal serta menyekat sebarang aktiviti yang boleh menggugat keamanan negara.
62. PN-1243-L13361
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah pengguna Facebook di Malaysia dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi melindungi golongan muda selain mengharmonikan penggunaan rangkaian sosial berkenaan termasuk menerusi bantuan antarabangsa seperti Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU).

63. PN-1243-L13423
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah kes-kes pemalsuan sijil kelahiran yang telah dikenal pasti oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara semenjak 20 tahun yang lalu oleh orang luar dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara; dan
 - (b) berapakah jumlah kes-kes seperti ini yang telah berjaya diselesaikan.
64. PN-1243-L13731
Tuan Boon Som a/l Inong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengeluarkan pekeliling memaklumkan kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan bahawa rakyat Malaysia keturunan Siam diiktiraf sebagai Bumiputera, kerana walaupun pemimpin-pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri dahulu dan sekarang, serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz berulang kali mengeluarkan kenyataan tentang pengiktirafan berkenaan, masih ramai lagi ketua dan kakitangan jabatan dan agensi Kerajaan yang tidak jelas atau tidak menyedari mengenai perkara itu.

ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|-----|----------------|--|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 15/2011) | Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011

[Kementerian Sumber Manusia] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 32/2011) | Rang Undang-undang Pencen (Pindaan)
2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 3. | (D.R. 33/2011) | Rang Undang-undang Pencen Pihak
Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)
2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 4. | (D.R. 34/2011) | Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen
(Pindaan) 2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 5. | (D.R. 35/2011) | Rang Undang-undang Saraan Hakim
(Pindaan) (No.2) 2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 6. | (D.R. 38/2011) | Rang Undang-undang Perumahan Rakyat
1Malaysia 2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 7. | (D.R. 43/2011) | Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 8. | (D.R. 39/2011) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 9. | (D.R. 40/2011) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara
Jenayah (Pindaan) 2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |
| 10. | (D.R. 41/2011) | Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan)
2011

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri] | “ |

11. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 “

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]

12. PN-1243-U13086

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :

- a) Islam adalah Risalah Ilahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat bangsa Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.
- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :-
 - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
 - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
 - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.

- 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
- 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
- 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.
- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.
- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.

- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarası tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

13. PN-1243-U13088

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

[Menteri Luar Negeri]

14. PN-1243-U13090

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

15. PN-1243-U13197

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata.

Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejajar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alukan Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka penggubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan membenarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius penggubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telah pun diperkenalkan di negara-negara Komanwel yang lain."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

16. PN-1243-U13198
Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara. Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implimentasi undang-undang perhubungan perkauman."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

17. PN-1243-U13202
Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita,

terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkan usul penggubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketat lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.
- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihan alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

18. PN-1243-U13614

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjejaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

[Menteri Pengajian Tinggi]